



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
(Ministry of Finance Malaysia)
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN,
NO. 5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62592 PUTRAJAYA



Telefon : 03-8882 3000
Cable : TREASURY, KL
Telex : FEDTRY MA 32369
Fax : 03-8882 4352
Web : http://www.treasury.gov.my

SULIT

Ruj. Kami : S/K.KEW/PK/D/1100/000000/

11/511 JLD.9(5)

Tarikh : 30 Jun 2016

YBhg. Dato' Sri Zohari Bin Hj. Akob
Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya
Tingkat 6, Blok B, Kompleks Kerja Raya,
Jalan Sultan Salahuddin
50580 KUALA LUMPUR

PEJABAT KPPK
DITERIMA
14 JUL 2016

☐ TKPKR (INFRA)	☒ KPPK BANGSIAN	☒ TKPKR (PAMAR)
☒ COPEK	☒ CHAS	☒ SL
☒ SEGERA	☒ BINCANG	☒ EDAR

Handwritten notes:
- PCKUB
- PCKP
- PCAST
- PCKBO
Signature
No. Faks : 03-2711 6564

YBhg. Dato' Sri,

DATO' Ir. Dr. ROSLIAN BIN MD TAHM
Timbalan Ketua Pengerusi Kerja Raya

**PELAKSANAAN PROJEK PERINTIS PEROLEHAN HIJAU KERAJAAN
(GOVERNMENT GREEN PROCUREMENT – GGP) BAGI PEROLEHAN KERJA**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas dan Mesyuarat Berkaitan Pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan (Government Green Procurement - GGP) - Perolehan Kerja pada 13 Jun 2016 di Kementerian Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) adalah berkaitan.

2. Seperti YBhg. Dato' Sri sedia maklum, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) telah mensasarkan sebanyak 20 peratus daripada Perolehan Kerajaan adalah menggunakan GGP menjelang tahun 2020. Bagi membantu pencapaian sasaran yang ditetapkan, Kerajaan telah memutuskan supaya pelaksanaan GGP diperluaskan kepada perolehan kerja. Kementerian Kewangan (MOF) bersama KeTTHA dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) bersetuju supaya projek perintis GGP bagi perolehan kerja dilaksanakan bertujuan menilai kebolehlaksanaan, kaedah serta cabaran dan isu yang berbangkit dalam pelaksanaan GGP perolehan kerja.

3. Sehubungan ini, Mesyuarat Berkaitan Pelaksanaan GGP – Perolehan Kerja pada 13 Jun 2016 telah memutuskan supaya Kementerian Kerja Raya (KKR) dilantik sebagai peneraju projek perintis ini dan berperanan untuk memantau serta melaporkan pelaksanaan projek perintis GGP bagi perolehan kerja dalam mesyuarat Jawatankuasa Kerja GGP (GGPWC) dan Jawatankuasa Pemandu GGP (GGPSC) yang dipengerusikan bersama oleh MOF dan KeTTHA secara berkala.

4. Mesyuarat tersebut juga telah bersetuju untuk memilih 3 projek yang berdaftar di bawah kriteria Penarafan Hijau Jabatan Kerja Raya (pH JKR) dan MyCrest untuk dijadikan sebagai projek perintis GGP Perolehan Kerja bagi tahun 2016 iaitu:-

- Pembinaan Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan Hospitaliti dan Alam Sekitar Universiti Utara Malaysia (UUM) Cawangan UUM (Tarikh Jangkaan Iklan Tender : 26 Disember 2016);

PEJABAT PENCARAH	CS	TARIKH	SEGERA	
			UT	UM
KPPK				
KPP(Projek)				
KPP (P&S)				
KPP (Pakar)				
PPK (Korp)				
PPK (Adm)				
BSEEF				
A. SEKITAR				

(Sila nyatakan rujukan Bahagian ini apabila berhubung)

SULIT

3349/16

SULIT

- b. Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) – Bangunan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional di Kampus UPSI Teluk Intan Fasa 2 (Tarikh Jangkaan Iklan Tender : 12 Januari 2017); dan
 - c. Menaiktaraf Pusat Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (PLKPM) Bandar Baru Enstek, Negeri Sembilan (Tarikh Jangkaan Iklan Tender : Disember 2016).
5. Untuk makluman YBhg. Dato' Sri juga, Pasukan Teras GGP yang terdiri daripada MOF, EPU, KeTTHA, JKR dan Malaysian Green Technology Corporation (Greentech Malaysia) serta Jabatan Kerja Raya (JKR) telah ditubuhkan khusus bagi membantu dan memantau pelaksanaan inisiatif GGP tersebut.
6. Kerjasama dan perhatian YBhg. Dato' Sri berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' OTHMAN BIN SEMAIL)

Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

s.k.

YBhg. Datuk Seri TKSP(M)

SULIT

Edaran Luaran

1. Ketua Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Tingkat 5, Blok F, Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Jalan Sultan Salahuddin,
50582 KUALA LUMPUR.

2. Ketua Setiausaha
Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air
Aras 5, Blok E4/5, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62668 PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Rogayah binti Kadari)